



Ruj. Kami : JPA.(S).NP.134/1/Klt.7/ (36)

Tarikh : 25 Jun 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

Tuan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT DALAM TEMPOH PERALIHAN DARI  
SISTEM SARAAAN BARU KEPADA SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh peralihan urusan kenaikan pangkat yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 sehingga 31 Disember 2003.

2. Dalam tempoh pelanjutan itu, urusan kenaikan pangkat dilaksanakan seperti berikut:

- (i) pegawai diperakukan kenaikan pangkat tanpa pemangkuan;

- (ii) perakuan kenaikan pangkat hendaklah dibuat bagi mengisi jawatan gred kenaikan pangkat yang kosong secara hakiki pada atau sebelum 31 Disember 2003 sahaja;
  - (iii) urusan kenaikan pangkat ini tidak melibatkan gred kenaikan pangkat di bawah Sistem Saraan Malaysia seperti berikut:
    - (a) Kumpulan Pengurusan dan Profesional : Gred 44 dan 52
    - (b) Kumpulan Sokongan : Gred 4, 12, 14, 22, 26, 32, 34, 36 dan 38.
  - (iv) selain daripada syarat di perenggan 4 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, pegawai yang diperakuan hendaklah dinilai kebolehan dan kesesuaian mereka melalui proses temuduga atau kursus atau penilaian lain yang difikirkan sesuai oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
  - (v) tarikh kenaikan pangkat hendaklah dikuatkuasakan dalam tahun 2003 dengan syarat tidak lebih awal daripada tarikh kenaikan pangkat terakhir dalam urusan kenaikan pangkat sebelumnya; dan
  - (vi) semua keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah dibuat tidak lewat daripada 31 Disember 2003.
3. Syarat seperti yang dinyatakan di perenggan 2(iii) adalah tidak terpakai bagi skim perkhidmatan seperti dinyatakan di **Lampiran A**.
4. Pelaksanaan syarat di perenggan 2(iv) di atas perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan untuk kelulusan.
5. Mulai tahun 2004, urusan kenaikan pangkat akan dilaksanakan mengikut kaedah dan syarat yang ditetapkan dalam Sistem Saraan Malaysia sepenuhnya.

6. Perenggan 8 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamaludin', written over a horizontal line.

**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

## LAMPIRAN A

### **SENARAI SKIM PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMPUNYAI GRED KENAIKAN PANGKAT TAMBAHAN DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA.**

#### PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN (A)

1. Pemandu Lokomotif
2. Kelasi / Jurumudi
3. Pembantu Juruinjin Laut / Juruinjin Laut
4. Penjaga Rumah Api

#### PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (D)

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma

#### PERKHIDMATAN EKONOMI (E)

Pengajar Kraf

#### PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT (F)

Operator Mesin Prosesan Data

#### PERKHIDMATAN PERTANIAN (G)

1. Penolong Pegawai Perikanan
2. Penolong Pegawai Pertanian
3. Penolong Pegawai Veterinar
4. Pembantu Hidupan Liar Rendah
5. Pengawas Hutan
6. Pengajar Rendah
7. Atendan Haiwan

#### PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (K)

1. Penguasa Bomba
2. Penolong Penguasa Bomba
3. Pegawai Bomba
4. Ahli Bomba
5. Pengawal Keselamatan
6. Penguasa Penjara
7. Penolong Penguasa Penjara
8. Pegawai Penjara

PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)

1. Penolong Pegawai Tanah
2. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
3. Operator Wayarles
4. Pembantu Tadbir Rendah
5. Penolong Operator Kamera
6. Pengawet
7. Bentara Parlimen
8. Pembantu Kamera / Pemandu
9. Penyelamat
10. Tukang Masak

PERKHIDMATAN MAHIR / SEPARUH MAHIR / TIDAK MAHIR (R)

1. Pekerja Rendah Awam (PRA)
2. Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK)
3. Pemandu Kenderaan Bermotor
4. Operator Loji
5. Pemandu / Operator Jentera Pemungkah
6. Penjaga Jentera Elektrik
7. Tukang K1
8. Tukang K2
9. Tukang K3
10. Pemandu Injin (KBB)

PERKHIDMATAN SOSIAL (S)

Pembantu Wartawan / Wartawan

PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN (U)

1. Inspektor Kesihatan
2. Juru X-Ray
3. Jurupulih Perubatan
4. Jururawat
5. Jururawat Pergigian
6. Juruteknologi Makmal Perubatan
7. Juruteknologi Pergigian
8. Pembantu Farmasi
9. Pembantu Perubatan
10. Jururawat Desa
11. Pembantu Kesihatan Awam
12. Pembantu Pembedahan Pergigian
13. Penolong Jururawat
14. Atendan Kesihatan

PERKHIDMATAN KEWANGAN (W)

Penolong Pegawai Penilaian